

## LAWATAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG) KENT, TUARAN ,SABAH KE UMS

**P**enuntut Institut Pendidikan Guru IPG Kent, Tuaran Sabah telah mengunjungi Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) UMS dalam satu program lawatan sambil belajar pada 25 Mac 201. Rombongan pelawat ini terdiri daripada 40 orang pelajar diiringi oleh seorang pensyarah pengiring. En Nazri. Lawatan ini merupakan yang julung-julung kali dianjurkan oleh Institut Pendidikan Guru Kent, Sabah ke Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UMS. Kesemua mahasiswa dan mahasiswi tersebut adalah pelajar-pelajar pendidikan ekonomi, selain pelajar tahun 2 ekonomi dari Universiti Malaysia Sabah. Objektif lawatan sambil belajar ini adalah untuk melihat dan mengetahui prasarana program ekonomi di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi di samping untuk merapatkan hubungan silaturahim di antara kedua-dua institusi ini. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sempena lawatan

sehari termasuk syarahan ekonomi oleh Dr. Janice L.H.NGA, Pensyarah Ekonomi Perancangan dan Pembangunan, Universiti Malaysia Sabah bertempat di Bilik Mesyuarat Utama ( BMU ). Selain itu, sesi berkenalan dan beramah mesra, "RAKAN UMS" dan pertukaran pendapat juga diadakan bagi kedua - dua pelajar Institut Pendidikan Guru, Kent Sabah dan juga pelajar tahun dua ekonomi, Universiti Malaysia Sabah. Aktiviti diteruskan pada sebelah petang dengan Kuliah Ekonomi Antarabangsa oleh En Ahmad Mosfi Bin Mahmood, Pensyarah Ekonomi Kewangan bertempat di Dewan Kuliah Pusat A2 ( DKP A2 ). Lawatan berkenaan diakhiri oleh ucapan dan sesi penyampaian cenderahati oleh Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Dr. Hjh. Arsiah Hj. Bahron disamping sesi bergambar kenangan bagi pensyarah dan pelajar institut berkenaan.